

Published by



Centre of Excellence (COE)

## **PERBANKAN ISLAM DAN KEBAJIKAN**

Oleh:

### **PROFESOR MADYA DR SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI**

Ahli Jawatankuasa Syariah, Maybank Islamic Berhad

Pensyarah Kanan, Arshad Ayub Graduate Business School, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Perbankan Islam sering dikaitkan dengan “kebajikan” memandangkan berbuat baik dan -amal kebajikan sentiasa dianggap sebagai elemen penting kepada institusi berasaskan Syariah. Sebagai contoh, perbankan Islam dijangka tidak mengenakan sebarang caj pembayaran lewat (CPL) dan harga yang ditawarkan sepatutnya lebih murah berbanding perbankan konvensional. Walaupun jangkauan ini selari dengan sifat semula jadi entiti Islam, kita harus sedar bahawa perbankan Islam juga merupakan suatu entiti komersial dengan keuntungan sebagai salah satu objektif. Oleh itu, hanya mengaitkan bank Islam dengan “kebajikan” mungkin merupakan suatu persamaan yang salah.

Antara salah faham yang berlaku dikalangan masyarakat ialah perbankan Islam tidak boleh mengenakan CPL kepada pelanggan yang lewat atau gagal membayar ansuran bulanan. Dalam institusi kewangan Islam, CPL dikenakan bersama dengan syarat ketat oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Ianya boleh dicaj hanya untuk menampung kerugian sebenar yang dialami oleh institusi perbankan Islam. Sebarang lebihan akan dianggap sebagai penalti dan perlu disucikan dengan menyalurkan jumlah tersebut kepada aktiviti-aktiviti kebajikan di kalangan masyarakat.

Tambahan pula, ada juga yang berpendapat bahawa sebagai sebahagian daripada unsur kebajikan, perbankan Islam harus menawarkan caj yang lebih murah dalam produk dan perkhidmatan mereka. Di sini, amat penting untuk difahami bahawa perbankan Islam adalah satu entiti atau organisasi berasaskan keuntungan, di mana ia dibenarkan untuk membuat sebarang urusan niaga komersial dan membuat keuntungan melalui urusan niaga patuh Syariah. Sebagai contoh, di bawah konsep Murabahah (kos tambah keuntungan), perbankan Islam boleh menawarkan untuk menjual aset pada keuntungan, manakala pelanggan membeli dengan harga yang dipersetujui. Oleh itu, melihat kepada sifat komersial perbankan Islam tersebut, adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa perbankan Islam perlu bertindak sebagai pertubuhan kebajikan, terutamanya untuk memberikan kemudahan pembiayaan dengan sifar keuntungan kepada pelanggan. Di samping itu, bagi setiap keuntungan yang diperolehi, Bank-Bank Islam bertanggungjawab untuk memulangkan keuntungan kepada pihak-pihak berkepentingan.

Di samping fungsi utamanya sebagai entiti komersial, perbankan Islam juga bertanggungjawab mempromosikan kesejahteraan dalam masyarakat, memandangkan komersial semata-mata boleh membawa kepada ketamakan. Allah SWT telah menyebut bahawa peredaran harta tidak boleh di kalangan orang kaya sahaja. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulallah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).” (Surah Al-Hashr: ayat 7).

Unsur kebajikan sebenarnya sudah lama berada di dalam institusi perbankan dan kewangan Islam. Ia boleh dilihat melalui amalan pengagihan semula harta melalui zakat, sedekah, waqaf dan pinjaman secara qardh al-hasan (pinjaman ihsan). Instrumen-instrumen ini bertujuan untuk menyediakan rangkuman kewangan (*financial inclusion*) kepada golongan yang kurang berkemampuan atau tidak layak untuk mendapatkan perkhidmatan dari bank. Terdapat banyak inisiatif-inisiatif kebajikan yang dilaksanakan oleh perbankan Islam. Antaranya ialah pengenalan platform khusus untuk menampung kutipan, pengurusan dan pengagihan derma yang diperoleh daripada orang ramai. Dana yang diperoleh kemudiannya akan disalurkan kepada projek kebajikan sosial yang dikenal pasti untuk menghasilkan impak yang positif bagi komuniti yang kurang mendapat perhatian dalam sektor-sektor tumpuan yang terpilih. Terdapat juga produk berbentuk kebajikan, di mana sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi akan digunakan untuk manfaat asnaf terutamanya dalam meningkatkan taraf hidup mereka daripada asnaf kepada bukan asnaf.

Perbankan Islam juga telah mewujudkan ekosistem yang baik untuk organisasi kebajikan. Sebagai institusi yang dikawal dengan baik, perbankan Islam mampu membina sistem yang dipercayai dalam mengumpul dana kebajikan. Data dan alat-alat analisis (*analytic tools*) dapat membantu organisasi tersebut mempunyai alat pembayaran digital yang sistematik seperti e-dompet yang boleh mencipta aliran kerja yang lancar dalam ekosistem.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, konsep Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value Based Intermediation* (VBI)) dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* (SDG)) juga merupakan pendekatan yang baharu di dalam industri ini. Kedua-duanya merupakan strategi BNM yang menumpukan kepada penggunaan amalan berkaitan, penawaran dan pengendalian yang sesuai untuk menjana impak positif dan mampan kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Rangka kerja kewangan sosial Islam juga telah diwujudkan oleh pemain kewangan Islam termasuk perbankan Islam sebagai pencetus bagi ekosistem ini.

Berdasarkan di atas, dapat diketahui bahawa peranan perbankan Islam sebagai pengantara kewangan telah berkembang untuk turut memberi impak sosial dalam masyarakat. Walaupun agak mencabar untuk meletakkan inisiatif ini di tengah-tengah rangka kerja konvensional yang kukuh; namun, dengan sokongan daripada pihak berkepentingan, visi yang kukuh ini dapat direalisasikan dalam jangka masa panjang.

Ringkasnya, asas perbankan Islam pada masa kini telah berkembang berbanding apa yang kita ada pada tiga puluh lima tahun yang lalu. Evolusinya semakin kuat walaupun terdapat isu-isu dan cabarannya yang tersendiri. Oleh itu, kita dapat melihat nilai tersendiri perbankan Islam berbanding konvensional. Adakah ia akan mempengaruhi dasar polisi kewangan pada masa hadapan? Tiada sesiapa yang tahu.

# PERBANKAN ISLAM DAN KEBAJIKAN

Perbankan Islam tidak boleh mengenakan caj bayaran lewat

Perbankan Islam = Badan Kebajikan?

Perbankan Islam tidak boleh mengenakan caj keuntungan



## BAGAIMANA PERBANKAN ISLAM BERFUNGSI



Perbankan Islam merupakan entiti perniagaan yang berpandukan Syariah.



Keuntungan yang dijana daripada pembiayaan akan diagihkan kepada para pendeposit dan pelabur.



Caj bayaran lewat hanya dikira berdasarkan kerugian sebenar dan bukan untuk menjana keuntungan tambahan.

## INISIATIF PERBANKAN ISLAM: TANGGUNGJAWAB SOSIAL



Mengeluarkan zakat daripada keuntungan

Membangunkan projek-projek waqaf

Menyalurkan sedekah dan infaq kepada mereka yang memerlukan



Menyediakan platform untuk pengurusan dana zakat, waqaf dan sedekah

Sistem yang dikawal selia dan memudahkan serta dipercayai

Sistem yang telus serta terbuka untuk diaudit



Mewujudkan produk berkebajikan

Memperuntukkan sebahagian keuntungan untuk kebajikan

Memudahkan pelanggan untuk melakukan kebajikan dengan melanggan produk tersebut

Untuk bacaan lanjut, sila layari : <https://www.maybank.com/islamic/en/coe/learning-centre/article.page>

Menginsankan Perkhidmatan Kewangan

Maybank Islamic